

PERADUAN
'FOLLOW & MENANG: GOLDEN CNY CHALLENGE
TERMA DAN SYARAT

Bank Muamalat Malaysia Berhad (Nombor Syarikat: 196501000376 (6175-W)) ("BMMB") dengan sukacitanya menganjurkan **'FOLLOW & WIN: GOLDEN CNY CHALLENGE** ("Peraduan") bagi tujuan berinteraksi dengan para pengikut kami di platform Instagram. Untuk melayakkan diri menyertai Peraduan ini, peserta hendaklah mematuhi arahan penyertaan yang telah ditetapkan.

Peserta amat digalakkan untuk membaca dan memahami Notis Perlindungan Data Peribadi BMMB ("Notis") sebelum menyertai Peraduan ini. Dengan mengemukakan penyertaan dan memberikan data peribadi, peserta dianggap telah bersetuju dan memberikan kebenaran kepada terma dalam Notis tersebut, terma-terma Peraduan ini serta pemprosesan dan pendedahan data peribadi selaras dengan Akta Perlindungan Data Peribadi 2010. Notis berkenaan boleh diakses melalui laman web rasmi BMMB di www.muamalat.com.my.

Tanpa menjejaskan mana-mana peruntukan dalam Notis tersebut, peserta dengan ini bersetuju dan memberikan kebenaran kepada BMMB untuk mengumpul, memproses dan menggunakan data peribadi mereka bagi tujuan berikut:

- a. Bagi pelaksanaan Peraduan ini; dan
- b. Bagi tujuan promosi dan pemasaran oleh BMMB, termasuk tanpa had terhadap penggunaan dan/atau penerbitan sebarang maklumat yang dikemukakan semasa penyertaan, bahan temu bual, maklum balas dan gambar berkaitan dalam sebarang bentuk bahan pengiklanan atau media publisiti.

Tanpa menjejaskan perkara di atas, BMMB akan sentiasa melindungi data peribadi peserta dan peserta turut bersetuju untuk bekerjasama dan mengambil bahagian dalam semua aktiviti pengiklanan dan publisiti yang munasabah berkaitan dengan Peraduan ini tanpa sebarang bayaran atau pampasan.

Peserta boleh memilih untuk menarik balik kebenaran yang diberikan di atas dengan menghubungi BMMB melalui nombor telefon dan Alamat e-mel yang dinyatakan dalam Terma dan Syarat ini.

I. TEMPOH PERADUAN:

Peraduan ini akan berlangsung dari **10 Februari – 22 Februari 2026** dan dianjurkan secara eksklusif di akaun rasmi Instagram BMMB (@mybankmuamalat)

II. KELAYAKAN:

- Peraduan ini terbuka kepada orang awam. Walaubagaimanapun, semua pekerja/anak Syarikat BMMB serta ahli keluarga terdekat mereka (pasangan, anak-anak, ibu bapa dan adik-beradik) adalah tidak layak untuk menyertai Peraduan ini.
- Semua penyertaan mestilah kekal untuk diakses secara umum pada akaun media sosial peserta (Instagram) sepanjang tempoh Peraduan untuk layak dinilai

III. MEKANISME PERADUAN:

Mekanisme Peraduan ini diperincikan seperti berikut:

Cara Penyertaan:

1. **Ikuti akaun rasmi** Instagram Bank Muamalat (@mybankmuamalat) dan Atlas by Bank Muamalat @atlasmuamalat.my serta tanda suka hantaran ini
2. Kira jumlah kepingan emas yang dikumpulkan oleh Mumu. Setelah mendapat jawapan yang betul, isikan tempat kosong untuk membentuk satu kata hikmah Tahun Baharu Cina yang bermakna dan kongsikan jawapan anda di ruangan komen dan isi tempat kosong kata-kata hikmah Tahun Baharu Cina. **W_th _ tea_y S_ep_, Pr_s_e_i_y fin_ _ its w_y to _ ou**
3. Tag 3 orang rakan yang anda rasa patut sertai peraduan ini dan pastikan mereka mengikuti akaun Instagram kami
4. Jangan lupa sertakan tanda pagar #HuatAhTogether dan #BankMuamalatContest

Nota dan Penafian:

- Kiriman yang dipadam, ditetapkan sebagai peribadi, atau tidak dapat diakses semasa fasa penilaian akan dibatalkan kelayakannya.
- Penyertaan yang tidak lengkap atau tidak mematuhi syarat akan dibatalkan kelayakannya atas budi bicara mutlak BMMB.

IV. PEMILIHAN PEMENANG:

1. Pemilihan pemenang akan ditentukan berdasarkan pematuhan kepada semua syarat-syarat kelayakan yang dinyatakan dalam Klausa III.
2. Sekiranya tiada peserta yang menghantar semua jawapan yang betul, pemenang akan ditentukan berdasarkan:
 - i. bilangan jawapan betul tertinggi yang dihantar,
 - ii. petikan kata-kata hikmah Tahun Baharu Cina 2026 yang tepat berserta tanda pagar #HuatAhTogether dan #BankMuamalatContest yang tepat, dan seperti yang ditentukan oleh BMMB
3. Sekiranya berlaku keputusan seri, di mana dua (2) atau lebih peserta telah menghantar jumlah jawapan betul yang sama dan memenuhi semua syarat kelayakan, pemenang akan ditentukan melalui cabutan nama secara rawak. Proses ini dijalankan bagi memastikan pemilihan yang adil dan saksama antara peserta yang terikat, tanpa sebarang unsur berat sebelah.
4. Bagi memastikan keadilan dan peluang yang sama dalam semua kempen, mana-mana individu yang telah secara rasmi diisytiharkan sebagai pemenang dalam mana-mana

pertandingan yang dianjurkan oleh BMMB sepanjang tahun kalendar 2026 adalah tidak layak untuk menyertai atau menerima sebarang hadiah dalam Pertandingan ini.

5. Sekiranya pemenang didapati tidak layak untuk menyertai Peraduan atau menuntut hadiah yang diberikan, BMMB berhak untuk melucutkan atau menarik balik hadiah tersebut dan menganugerahkan hadiah berkenaan kepada pemenang lain sebagaimana yang ditentukan mengikut budi bicara BMMB.

V. HADIAH:

No	Kategori	Hadiah	No. Pemenang
1	Hadiah	Set tumbler Montigo (bernilai RM250)	8

VI. PEMAKLUMAN PEMENANG:

Pemenang akan dimaklumkan melalui Instagram dalam tempoh **tiga puluh (30) hari bekerja** selepas Peraduan tamat.

VII. PENEBUSAN HADIAH:

1. Pemenang dikehendaki mengemukakan maklumat peribadi yang lengkap dan tepat melalui akaun rasmi Instagram Bank Muamalat (Nama Penuh, Nombor Kad Pengenalan, Alamat Emel, Nombor Telefon, Alamat Tempat Tinggal serta Cawangan Bank Muamalat yang terdekat) dalam tempoh lima (5) hari daripada tarikh notifikasi. Kegagalan untuk mengemukakan maklumat dalam tempoh yang ditetapkan akan menyebabkan hadiah tersebut tidak sah dan dianggap terbatal.
2. Hadiah Peraduan akan dihantar melalui kurier ke alamat pemenang atau diambil di cawangan BMMB berdekatan, bergantung kepada keputusan pihak BMMB.
3. Pemenang dikehendaki menandatangani Borang Pengesahan Penerimaan Hadiah sebagai bukti penerimaan dan persetujuan terhadap hadiah tersebut.
4. Semua hadiah yang ditawarkan adalah tidak boleh dipindah milik, tidak boleh dikembalikan dan tidak boleh ditukar dengan wang tunai atau mana-mana barangan lain.
5. BMMB berhak untuk menggantikan mana-mana hadiah dengan hadiah lain yang mempunyai nilai setara.
6. Hadiah visual yang dipaparkan dalam risalah peraduan hanyalah untuk tujuan ilustrasi sahaja.

VIII. PERISYTIHARAN DAN KEBENARAN:

BMMB berhak untuk membatalkan, menamatkan atau menangguhkan Peraduan ini dengan memberikan notis terlebih dahulu. Untuk mengelakkan sebarang keraguan, pembatalan, penamatan atau penangguhan Peraduan oleh BMMB tidak akan melayakkan peserta untuk

menuntut sebarang pampasan atau ganti rugi terhadap BMMB atas sebarang kerugian atau kerosakan yang dialami secara langsung atau tidak langsung akibat tindakan tersebut, kecuali sekiranya disebabkan oleh kecuaiian melampau atau salah laku disengajakan oleh BMMB yang berkaitan secara khusus dengan Peraduan ini.

Sekiranya Peraduan ini tidak dapat diteruskan seperti yang dirancang disebabkan oleh virus komputer, penggodaman, campur tangan tanpa kebenaran, penipuan, kegagalan teknikal, tindakan pihak berkuasa termasuk tetapi tidak terhad kepada Perintah Kawalan Pergerakan, atau sebarang sebab lain di luar kawalan munasabah BMMB, maka BMMB berhak untuk menamatkan, menangguhkan, mengubah suai atau menangguhkan Peraduan ini dengan notis awal yang munasabah sekiranya dapat dilaksanakan.

Semua peserta yang layak adalah bertanggungjawab secara peribadi untuk segala cukai, kadar, fi kerajaan atau caj lain yang dikenakan di bawah undang-undang yang berkenaan, jika ada, termasuk kos pemasangan yang berkaitan dengan hadiah dan Peraduan ini.

Dengan menyertai Peraduan ini, para peserta dianggap telah membaca, memahami dan bersetuju untuk terikat dengan Terma dan Syarat ini serta mana-mana terma dan syarat tambahan daripada agensi yang dilantik (jika ada). Peserta yang layak juga memberikan kebenaran yang boleh ditarik balik kepada BMMB untuk mendedahkan, menzahirkan dan memaklumkan maklumat berkaitan mereka kepada mana-mana pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam penganjuran dan pengurusan Peraduan ini. BMMB berhak eksklusif untuk menerbitkan atau memaparkan nama dan gambar pemenang bagi tujuan pengiklanan dan publisiti. Segala borang penyertaan (jika ada), nama serta gambar pemenang akan menjadi hak milik BMMB.

BMMB tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kecederaan, kehilangan nyawa, kerosakan harta benda atau sebarang kerugian lain yang dialami oleh peserta sama ada secara langsung atau tidak langsung, keseluruhan atau sebahagian, hasil daripada penyertaan mereka dalam Peraduan ini atau daripada hadiah yang dimenangi, kecuali sekiranya kerugian tersebut disebabkan oleh kecuaiian melampau atau salah laku disengajakan oleh BMMB yang berkaitan secara khusus dengan Peraduan ini.

BMMB akan menguruskan Kempen ini dengan penuh perhatian dan mematuhi semua keperluan peraturan yang terpakai. Walau bagaimanapun, BMMB tidak bertanggungjawab terhadap sebarang kelewatan atau kegagalan untuk melaksanakan obligasinya akibat daripada peristiwa di luar kawalannya, termasuk tetapi tidak terhad kepada: tindakan Tuhan (acts of God), peperangan, rusuhan, mogok, penguncian (lock-out), tindakan industri, kebakaran, banjir, kegagalan teknikal atau sistem, pandemik, epidemik, tindakan kerajaan atau peristiwa serupa lain.

Sekiranya terdapat sebarang percanggahan antara versi Bahasa Inggeris dan versi terjemahan Terma dan Syarat ini, versi Bahasa Inggeris akan diguna pakai. Sekiranya berlaku sebarang percanggahan antara Terma dan Syarat ini dengan mana-mana risalah, bahan pemasaran dan

promosi yang berkaitan dengan Peraduan ini, maka Terma dan Syarat ini akan mengatasi dokumen tersebut.

BMMB berhak dari semasa ke semasa, mengikut budi bicara mutlaknya, untuk meminda, menambah, memadam, mengubah atau mengemas kini mana-mana bahagian daripada Terma dan Syarat ini dengan memberikan notis sekurang-kurangnya tujuh (7) hari lebih awal. Notis berkenaan akan dipaparkan di laman web rasmi BMMB di www.muamalat.com.my, di media sosial atau melalui mana-mana saluran lain yang dianggap sesuai oleh BMMB. Peserta yang telah mengambil bahagian dalam Peraduan ini dianggap telah mengakses laman web BMMB dan mengetahui serta bersetuju dengan sebarang pindaan atau perubahan terhadap Terma dan Syarat ini. Penyertaan berterusan peserta selepas pindaan akan dianggap sebagai penerimaan terhadap Terma dan Syarat yang dikemas kini.

Segala keputusan oleh BMMB berkaitan dengan Peraduan ini adalah muktamad, konklusif dan mengikat, dan BMMB tidak akan bertanggungjawab untuk memberikan sebarang alasan atau melayan sebarang surat-menyurat berhubung perkara tersebut.

Terma dan Syarat ini ditadbir oleh dan ditafsirkan mengikut Undang-Undang Malaysia serta tertakluk kepada semua peraturan, perundangan dan garis panduan yang ditetapkan oleh Bank Negara Malaysia (BNM) dan pihak berkuasa berkaitan yang berkuat kuasa dari semasa ke semasa.

Terma dan Syarat ini juga tertakluk kepada semua peruntukan berkuat kuasa di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 (IFSA) dan Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001 (AMLA).

Semua pihak adalah dikehendaki untuk memahami dan mematuhi Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (termasuk sebarang pindaan terhadapnya). Pihak Bank berhak untuk melaporkan sebarang tindakan atau aktiviti yang disyaki bersifat jenayah kepada pihak polis atau pihak berkuasa lain yang berkaitan serta termasuk menamatkan sebarang urusan niaga yang berkenaan.

Segala peruntukan, kuasa budi bicara dan hak yang diberikan kepada mana-mana pihak di bawah dokumen ini adalah tertakluk kepada prinsip Syariah.

Para peserta dialu-alukan untuk mendapatkan penjelasan daripada BMMB sekiranya terdapat mana-mana Terma dan Syarat ini yang tidak difahami sepenuhnya.

Untuk maklumat lanjut, pertanyaan, maklum balas dan/atau aduan berkaitan dengan Peraduan ini, sila hubungi Khidmat Pelanggan BMMB di +603-2600 5500. Sebagai alternatif, peserta juga boleh menghantar maklum balas dan/atau aduan melalui e-mel ke feedback@muamalat.com.my.